

Gembirakan kanak-kanak penghidap barah otak dengan kereta sport

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

BIASANYA Mohamad Eyzra Mohamad Annuar pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan bagi penyakit barah otak.

Semalam, dia ke Hospital Kanak-Kanak dan Wanita (KKH) untuk satu pengalaman yang unik.

Eyzra, 16 tahun, dan beberapa kanak-kanak lain yang menghidap penyakit itu berpeluang bersiar-siar dengan kereta *sport* di kawasan bandar, bermula dari KKH di Bukit Timah dan berakhir di tempat sama.

Sebanyak 30 kereta Porsche terlibat dalam acara yang diadakan sempena Hari Kesedaran Barah Otak Kanak-Kanak anjuran pelajar Sekolah Perubatan Duke-NUS dengan sokongan Kelab Porsche itu.

Kegiatan tersebut bertujuan memupuk kesedaran mengenai cabaran yang dihadapi pesakit barah otak kanak-kanak serta keluarga mereka.

Ibu Eyzra, Cik Nasheeba Mohamed

Said, berkata anak sulungnya itu disahkan menghidap penyakit itu pada usia lapan tahun.

“Menerusi acara seperti ini, Eyzra dapat berjumpa dengan kanak-kanak lain sepertinya dan sedar bahawa dia tidak berseendirian.

“Eyzra sampai sekarang mengikuti sekolah biasa dan kadangkala rasa kesunyian kerana dia lain daripada yang lain,” ujar Cik Nasheeba, 41 tahun.

Pada usia lapan tahun, Eyzra menjalani pembedahan bagi mengeluarkan ketumbuhan, yang mempunyai kesan antara lain kepada pembangunan hormonnya.

Acara semalam turut dihadiri Anggota Parlimen GRC Marine Parade, Profesor Madya Fatimah Lateef, sebagai tetamu terhormat.

Barah otak ialah jenis barah kedua tertinggi yang dihadapi kanak-kanak dan membentuk 20 peratus daripada barah kanak-kanak di Singapura dan di seluruh dunia.

Sebanyak 24 kes barah otak melibatkan kanak-kanak di bawah usia 15 tahun disahkan setiap tahun di Singapura.



NAIK KERETA SPORT: Mohamad Eyzra Mohamad Annuar (*berkerusi roda*) bersama ibunya, Cik Sheeba Said (*berbaju bunga-bunga*), dan Dr Fatimah Lateef (*berbaju biru*) sebelum menaiki kereta Porsche untuk bersiar-siar di kawasan bandar, sempena Hari Kesedaran Barah Otak Kanak-Kanak, semalam. – Foto KHALID BABA